KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	8/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI SELANGOR			

16 individu ditahan masuk HSK Bukit Kutu

BH
08.11.2021_22

Kumpulan dipercayai pendaki beri alasan tidak tahu perlu permit sah, ikut rakan

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Hulu Selangor: Tidak tahu permit sah diperlukan untuk memasuki hutan simpan kekal (HSK) dan sekadar mengikut rakan melakukan aktiviti.

Itu antara alasan diberikan sekumpulan 16 individu dipercayai pendaki, yang ditahan pihak berkuasa dalam operasi di HSK Bukit Kutu, Kuala Kubu Bharu, dekat sini, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, berkata operasi selama lima jam bermula jam 9 pagi itu membabitkan sepasukan 14 pegawai Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor (PHDHS) bersama polis.

"Dalam operasi itu, kita menahan 16 individu berusia 32 hingga 59 tahun dipercayai melakukan aktiviti mendaki di kawasan berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati mereka tidak mempunyai permit sah untuk memasuki hutan terbabit.



Kumpulan pendaki ditahan dalam operasi di HSK Bukit Kutu, Kuala Kubu Bharu, dekat Hulu Selangor, kelmarin.
(Foto Ihsan Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor)

"Kesemua mereka ditahan dan dibawa ke Balai Polis Kuala Kubu Bharu sebelum dibebaskan dengan jaminan polis," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahmad Fadzil memaklumkan pada 25 September lalu, pihaknya turut menahan 56 individu yang mendaki di Air Terjun Setinggi, Hutan Simpan Serendah, atas kesalahan sama.

Operasi dijalankan berikutan aduan penduduk yang mendakwa ramai pendaki memasuki hutan itu melalui kawasan kediaman mereka, selain meletakkan kenderaan di tepi jalan kawasan rumah hingga merosakkan paip air dan tong sampah serta meninggalkan sampah merata-rata.

Ahmad Fadzil menegaskan, pendaki sepatutnya sudah peka dengan keperluan memohon permit untuk memasuki HSK selepas beberapa siri operasi dijalankan sebelum ini.

"Semua pendaki dinasihatkan supaya memasuki kawasan hutan yang dibenarkan dengan memohon permit, selain menitikberatkan keselamatan dan menjaga kebersihan," katanya.

Beliau berkata, kesalahan memasuki HSK tanpa permit sah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan).